

Program e-Sisa mudah alih dididik amalan kitar semula

Tidak ramai yang tahu bahawa e-Sisa iaitu peralatan elektronik dan elektrik yang tidak digunakan lagi atau rosak seperti telefon mudah alih dan pintar; komputer dan komputer riba, tablet dan perakam suara boleh dikitar semula melalui kaedah pemulihan yang dikenali sebagai urban mining iaitu proses pemerolehan kembali elemen daripada e-Sisa.

Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC) melancarkan program hijau, e-Sisa Mudah Alih: Telefon Lama, Kehidupan Baharu pada Ogos lalu dengan kerjasama pihak telco bertujuan mendidik pengguna terhadap amalan kitar semula telefon lama dan terpakai bagi memelihara alam sekitar.

Terap kesedaran

Ketua Bahagian Teknologi dan Masyarakat, MCMC, Aisharuddin Nuruddin, berkata kesedaran terhadap pemuliharaan bumi perlu diterapkan kepada penduduk Malaysia terutama golongan muda dan seawal usia kanak-kanak.

Beliau berkata, e-Sisa mengandungi bahan pencemar berbahaya kepada kehidupan manusia dan alam sekitar jika tidak diuruskan secara selamat dan mesra alam.

Menerusi proses urban mining, lebih 90 peratus daripada bahan yang digunakan dalam peranti mudah alih dan aksesori boleh dipulihkan semula manakala bahan seperti bateri lithium akan dilupuskan secara berhemah.

Beri penekanan peranti berasaskan SIM

Beliau berkata, e-Sisa yang terkumpul akan melalui proses kitar semula dan pemerolehan kembali dengan kerjasama Shan Poornam Metals Sdn Bhd iaitu syarikat Kemudahan Pemerolehan Kembali Penuh atau FRF (Full Recovery Facility) yang dilesen oleh Jabatan Alam Sekitar.

"Sebagai permulaan, program ini akan memberi penekanan kepada peranti berasaskan SIM seperti telefon bimbit, telefon pintar dan tablet yang kian meningkat hasil perkembangan industri komunikasi dan multimedia se-

jak pengenalan jalur lebar mudah alih pada tahun 2009.

"Komponen elektronik dalam peranti mudah alih mengandungi bahan pencemar seperti plumbum, kadmium dan merkuri yang boleh mengakibatkan isu persekitaran dan kesihatan sekiranya tidak diuruskan dengan baik," katanya.

Aisharuddin berkata, sejak dilancarkan, sebanyak 72 permis telco di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah Sarawak sudah menyediakan kotak e-Sisa di pusat jualan mereka. Antara syarikat telco yang menyertai program e-Sisa Mudah Alih: Telefon Lama, Kehidupan Baharu kelolaan MCMC adalah Altel Communications, Celcom, Maxis, UMobile, Digi dan TM.

Katanya, MCMC sentiasa menerima mana-mana syarikat dan organisasi yang ingin menjalinkan kerjasama untuk melebarkan lagi program ini.

Maklumat lanjut mengenai program dan aktiviti e-Sisa boleh layari laman web www.mobile-ewaste.mcmc.gov.my.



Aisharuddin menunjukkan tong kitar semula e-Sisa di Cyberjaya. (FOTO MOHD KHAIRU)